

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN  
YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 21 MAC 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 2**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi meningkatkan hukuman terhadap pelaku kesalahan jalan raya sehingga menyebabkan kematian terutamanya memandu di bawah pengaruh alkohol.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian akan meneliti dan menjalankan kajian secara mendalam sebelum sebarang keputusan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 sedia ada. Ia perlu dilakukan disamping mendapatkan pandangan dan persetujuan daripada pelbagai agensi lain seperti PDRM kerana penguatkuasaan terhadap kesalahan jalan raya berhubung kematian terutamanya kematian memandu di bawah pengaruh alkohol adalah di bawah kuasa PDRM disamping pandangan daripada Jabatan Peguam Negara dan MIROS. Pada masa yang sama pandangan semua pihak termasuk daripada pihak industri pengangkutan perlu diperolehi sebelum sebarang keputusan dibuat.
2. Pada ketika ini, Seksyen 41 Akta 333 telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang telah didapati bersalah menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau merbahaya hendaklah dihukum penjara untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit. Jika seseorang yang disabitkan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41 ini adalah merupakan pemegang lesen memandu percubaan, maka Mahkamah selepas menyabitkan kesalahan akan membatalkan lesen memandu percubaan itu.
3. Di bawah peruntukkan Seksyen 44 pula, mana-mana orang yang menyebabkan kematian atau kecederaan akibat memandu di bawah pengaruh alkohol, apabila disabitkan, hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit. Pesalah yang memegang lesen percubaan juga apabila disabitkan akan dibatalkan lesen tersebut.

4. Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen 41 juga akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun (dan lima tahun bagi kesalahan di bawah Seksyen 44) dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.
5. Selain dari itu, lesen memandu orang yang melakukan kesalahan yang sedang dalam proses pertuduhan juga akan digantung bermula dan berkuat kuasa dari tarikh pertuduhan itu dibacakan pertama kalinya kepada orang itu sehingga mahkamah membuat keputusan muktamad terhadap pertuduhan itu.

Sekian, terima kasih.